

**PENERIMAAN GAYA KEIBUBAPAAN DALAM KALANGAN REMAJA DAN KESANNYA TERHADAP PERKEMBANGAN KECERDASAN KECERDASAN EMOSI (ACCEPTANCE OF PARENTING STYLE AMONG ADOLESCENTS AND ITS IMPACT ON EMOTIONAL INTELLIGENCE DEVELOPMENT)**

Abdul Adib Asnawi<sup>1</sup>

Agnis Sombuling<sup>1</sup>

Lailawati Madlan @ Endalan<sup>2</sup>

<sup>1</sup>Fakulti Psikologi dan Pendidikan, Universiti Malaysia Sabah

<sup>2</sup>Unit Penyelidikan Psikologi dan Kesihatan Sosial, Universiti Malaysia Sabah

**ABSTRAK**

Perkembangan kecerdasan emosi terbentuk hasil daripada pelbagai aspek dan salah satunya melalui sosial yang wujud dalam keluarga. Kajian ini bertujuan meneliti kesan penerimaan gaya keibubapaan terhadap perkembangan kecerdasan emosi remaja. Selain itu, kajian ini turut mengkaji perbezaan perkembangan kecerdasan emosi mengikut tempat tinggal dan jantina. Metodologi kajian yang digunakan adalah kaedah tinjauan dengan menggunakan soal selidik ke atas 255 orang pelajar sekolah menengah yang berusia 15 hingga 17 tahun. Satu set soal selidik digunakan dalam kajian ini yang terdiri daripada Parental Authority Questionnaire (PAQ) untuk mengukur gaya keibubapaan dan The Assessing Emotions Scale (AES) untuk mengukur kecerdasan emosi dalam kalangan remaja. Data dianalisis dengan perisian IBM Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) versi 22 dengan menggunakan ujian regresi pelbagai dan ujian-t sampel bebas untuk mengkaji hipotesis yang telah dibina. Hasil keputusan menunjukkan penerimaan gaya keibubapaan autoritatif dan autoritarian secara signifikan memberi kesan terhadap perkembangan kecerdasan emosi remaja. Sebaliknya, gaya keibubapaan permisif pula tidak menyumbang kepada perkembangan kecerdasan emosi remaja. Selain itu, terdapat perbezaan perkembangan kecerdasan emosi mengikut tempat tinggal dan jantina. Implikasinya, pemilihan gaya keibubapaan yang bersesuaian amat penting kerana akan menyumbang kepada perkembangan kecerdasan emosi remaja dan seterusnya akan membentuk personaliti dan tingkah laku mereka.

**Kata Kunci :** Penerimaan gaya keibubapaan, kecerdasan emosi, remaja, pelajar sekolah menengah, bandar, luar bandar

**ABSTRACT**

*Development of emotional intelligence formed as a result of the various aspects and one of them is through social interaction in the family. This study was designed to evaluate the effect of acceptance parenting style on emotional intelligence development among adolescents and the differences by place of residence and gender. This survey study involved 255 secondary school students aged 15 to 17 years old. The Parental Authority Questionnaire (PAQ) was used to measure acceptance of parenting style and the Assessing Emotions Scale (AES) was used to measure emotional intelligence among the participants. Data were analyzed using multiple regression test and independent sample t-test by using IBM software Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) version 22. Results showed that the acceptance of authoritarian and authoritative parenting styles has significant impact on the emotional intelligence development among adolescents. In contrast, acceptance of permissive parenting style did not influence the development of emotional intelligence among adolescents. In addition, there were differences in the development of emotional intelligence by place of residence and gender. Results highlight that the appropriate selection of parenting style is needed because it will*

*contribute to the development of emotional intelligence among adolescents which will form their personalities and behavior.*

**Keywords:** Parenting style acceptance, emotional intelligence, adolescents, secondary school students, urban, rural

## PENGENALAN

Memiliki dan mengekalkan emosi yang positif merupakan suatu kepentingan kerana manusia pada hari ini berhadapan dengan pelbagai bentuk cabaran yang menuntut manusia untuk menjadi lebih fleksibel dan efisien dalam menguruskan emosi. Justeru, kecerdasan emosi dalam diri perlu dipertingkatkan kerana setiap manusia itu sebenarnya sudah memiliki kecerdasan emosi. Namun yang membezakannya adalah tahap kecerdasan emosi yang dimiliki oleh setiap individu. Golongan remaja merupakan golongan yang cepat berkembang. Pada peringkat ini, mereka sedang menghadapi ketidakseimbangan dari segi emosi, kognitif dan sosial yang mana keadaan ini menyebabkan mereka mudah terdedah kepada stres. Remaja yang memiliki kecerdasan emosi yang rendah, menyebabkan mereka kurang berkemampuan untuk mengendalikan stres (Dady, 2012; Zimmer-Gembeck & Skinner, 2008). Apabila ini berlaku, mereka akan meluahkan stres tersebut dalam bentuk yang tidak sepatutnya seperti membuli, bertingkah laku langsung, membunuh diri dan banyak lagi. Kesemua itu dapat dilihat melalui pelbagai isu yang terpampang dalam media massa yang melibatkan golongan remaja pada hari ini seperti kes buli (Utusan Malaysia, 2015; 2017), bertingkah laku ganas (Astro Awani, 2015; Bernama, 2014) dan bunuh diri (Mstar, 2015) yang diperjelaskan sebagai satu ledakan emosi yang tidak mampu dikawal oleh remaja dan ia berkaitan dengan rendahnya kecerdasan emosi yang dimiliki oleh golongan ini (Badrulzaman, 2006; Gottman, 1997).

Sebilangan penyelidik menganggap kecerdasan emosi adalah sebagai satu sifat dan sebilangannya pula melihat sebagai satu kebolehan atau keupayaan (Asghari & Besharat, 2011). Namun, menurut Salovey dan Mayer (1990) yang mencipta istilah kecerdasan emosi ini, menjelaskan bahawa

kecerdasan emosi melibatkan satu set kemahiran yang menyumbang kepada penilaian emosi yang tepat dengan mengekpresikan emosi, keefektifan mengawal serta menggunakan emosi untuk tujuan memberi motivasi, merancang dan mencapai sesuatu dalam kehidupan. Kecerdasan emosi membuatkan individu menjadi lebih fleksibel, berfikiran secara mendalam, kreatif dan efisien (Mayer & Salovey, 1997) serta meningkatkan kualiti dan kecekapan sosial (Kuczynski & Kochanska, 1995). Oleh yang demikian, pentingnya perkembangan kecerdasan emosi yang positif dalam kalangan remaja agar mereka mudah untuk beradaptasi dengan persekitaran sosial serta menghadapi cabaran dunia pada hari ini.

Perkembangan kecerdasan emosi remaja harus dilentur sejak dari kecil lagi bagi membentuk golongan remaja yang mempunyai kecerdasan emosi yang tinggi. Justeru ibu bapa merupakan tunggak utama, kerana ibu bapa adalah individu yang pertama terlibat dalam proses sosialisasi dan proses perkembangan anak-anak (Hamidah, 2013; Goleman, 1995; Bowlby, 1982). Sepanjang pertumbuhan dan perkembangan remaja, ia banyak dipengaruhi oleh ibu bapa melalui hubungan ibu bapa-anak (Salimynezhad, Poor, & Valizade, 2015). Kajian lepas menunjukkan pendekatan gaya keibubapaan yang diaplikasikan oleh ibu bapa merupakan faktor sosial yang memberi kesan kepada perkembangan kecerdasan emosi anak (Darling & Steinberg, 1993; Salimynezhad, et al., 2015). Dalam amalan keibubapaan, ibu bapa yang mampu menyediakan praktis perkembangan emosi kepada anak merupakan ibu bapa yang mempunyai penguasaan dalam keibubapaan (*master of parenting*). Ini kerana pendedahan kepada perkembangan emosi akan membentuk kecerdasan emosi dalam diri anak (Shamrad, 2004 dlm Salimynezhad et al., 2015) yang kelak akan ditunjukkan melalui personaliti dan tingkah laku mereka (Nastasa & Sala, 2012).

Meskipun begitu, tidak semua gaya keibubapaan yang diaplikasikan oleh ibu bapa mampu memberi pengaruh yang positif terhadap perkembangan kecerdasan emosi anak. Seperti sedia maklum, terdapat tiga gaya keibubapaan yang dikemukakan oleh Baumrind (1966) iaitu autoritarian (rendah kasih sayang, tinggi kawalan), autoritatif (kasih sayang dan kawalan yang seimbang) dan permisif (tinggi kasih sayang, rendah kawalan). Ketiga-tiga gaya keibubapaan ini adalah berbeza, dan hasil terhadap perkembangan kendiri anak daripada ketigatiga gaya keibubapaan ini juga turut berbeza (Baumrind, 1967, 1971). Begitu juga pada pandangan pengkaji mengenai kesan penerimaan gaya keibubapaan terhadap perkembangan kecerdasan emosi remaja. Namun, gaya keibubapaan yang manakah mampu menyumbang kepada perkembangan kecerdasan emosi yang positif khususnya di Malaysia adalah masih kabur apabila gaya keibubapaan yang diaplikasikan ibu bapa di Malaysia masih tidak konsisten berdasarkan hasil dapatan pengkaji-pengkaji tempatan (Nik Hairi, Azmi, & Ahmad Shazili, 2012; Keshavars & Baharudin, 2009; Lin & Lian, 2010; Melati & Mariani, 1998). Maka, kajian ini sewajarnya dilakukan bagi meneliti gaya keibubapaan yang menyumbang kepada perkembangan kecerdasan emosi sekali gus menambah dan memperkuuhkan lagi hasil kajian sebelumnya.

Selain itu, kajian ini turut mengkaji berkaitan perbezaan perkembangan kecerdasan emosi antara remaja bandar dan luar bandar. Hal ini kerana kajian yang meneliti dan membuat perbandingan kecerdasan emosi antara remaja bandar dan luar bandar adalah amat kurang sedangkan terdapat isu yang berkaitan dengannya. Misalnya, jika dilihat kepada sorotan kajian lepas, masalah disiplin pelajar dilaporkan tinggi bagi kebanyakan sekolah luar bandar jika dibandingkan dengan sekolah yang berada di bandar (Ohio Department of Education, 2007; Mendez & Knoff, 2003). Menurut Badrulzaman (2006), pelajar yang terlibat dengan masalah disiplin sekolah adalah disebabkan mereka memiliki tahap kecerdasan emosi yang rendah. Meskipun begitu, berdasarkan beberapa hasil dapatan pengkaji lain pula, tidak wujud perbezaan masalah disiplin (Muhammad Faizal,

Norfariza, Simin, Husaina, & Mokhtar, 2014) dan kecerdasan emosi (Hamidah, 2013) antara pelajar bandar dan luar. Namun atas kekurangan dan hasil kajian yang tidak konsisten, maka menjadi satu kepentingan untuk mengkaji berkaitan perbezaan perkembangan kecerdasan emosi mengikut tempat tinggal. Bahkan hasil dapatan ini kelak akan sangat berguna kerana ia sejajar dengan hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang ingin melahirkan modal insan yang seimbang dan harmonis.

Seterusnya, kajian ini juga turut meneliti perbezaan jantina terhadap perkembangan kecerdasan emosi. Berdasarkan beberapa pengkaji lepas (seperti Liew, Gan, & Sia, 1999; Zamri & Chong, 2008; Su Mee Nguk, 2000; Kim, 2001; Feizah, 2004) menjelaskan wujudnya perbezaan antara lelaki dan perempuan terhadap kecerdasan emosi. Namun, terdapat juga beberapa pengkaji lain (seperti Hamidah, 2013; Roshiza, 2002; Mehtap & Sadegul, 2005; Chong, Zamri, & Hamidah, 2013) yang menyatakan tidak terdapat perbezaan antara lelaki dan perempuan dari segi kecerdasan emosi. Justeru, kajian ini juga memerlukan penelitian semula khususnya bagi melihat perbezaan dari aspek jantina di Malaysia.

### **Hipotesis Kajian**

Berikut merupakan hipotesis alternatif yang dibina:-

- 1) Terdapat pengaruh penerimaan gaya keibubapaan (autoritarian, permisif dan autoritatif) terhadap perkembangan kecerdasan emosi remaja.
- 2) Terdapat perbezaan antara remaja bandar dan luar bandar terhadap perkembangan kecerdasan emosi.
- 3) Terdapat perbezaan antara jantina terhadap perkembangan kecerdasan emosi.

### **METODOLOGI**

#### **Reka Bentuk Kajian**

Reka bentuk kajian ini adalah menggunakan kaedah tinjauan dengan menggunakan satu set borang soal selidik bagi mengukur gaya keibubapaan (autoritarian, permisif dan autoritatif) dan kecerdasan emosi dalam kalangan pelajar sekolah menengah.

#### **Responden dan Lokasi Kajian**

Subjek kajian adalah terdiri daripada pelajar sekolah menengah yang berusia dari 15 hingga 17 tahun iaitu pelajar tingkatan tiga (3) hingga lima (5). Seramai 255 orang pelajar telah menjadi responden dalam kajian ini. Pemilihan sampel kajian dilakukan dengan menggunakan kaedah persampelan rawak mudah. Sementara, pengumpulan data pula meliputi sekolah dari kawasan bandar (daerah Kota Kinabalu) dan luar bandar (daerah Beaufort) di Sabah.

### **Alat Kajian**

Satu set soal selidik telah digunakan dalam membuat pengumpulan data berkaitan kajian ini yang terbahagi kepada 3 bahagian iaitu:

#### **Bahagian A : Demografi Responden**

Bahagian ini mengandungi maklumat diri responden yang terdiri daripada kawasan sekolah, umur, jantina, agama, dan etnik.

#### **Bahagian B : Parental Authority Questionnaire (PAQ)**

Gaya keibubapaan autoritatif, permisif dan autoritarian dalam kajian ini diukur dengan menggunakan alat kajian *Parental Authority Questionnaire (PAQ)* yang telah dibina oleh Buri (1991). Alat kajian PAQ ini telah menjalani proses penterjemahan terlebih dahulu oleh pakar psikologi dan bahasa sebelum digunakan. Terdapat 30 item yang terkandung di dalam alat kajian ini yang dibahagikan kepada 3 subskala iaitu authoritarian, permisif dan autoritatif, yang mana setiap satu subskala mengandungi 10 item. Skor pemarkatan alat kajian ini pula menggunakan 5 skala Likert (1-sangat tidak setuju dan 5-sangat setuju).

#### **Bahagian C : The Assessing Emotions Scale (AES)**

### **Hasil analisis deskriptif**

**Jadual 1:** Ciri-ciri sosiodemografi responden kajian berdasarkan jantina, sekolah, umur, agama dan etnik

<b>Ciri-ciri Sosiodemografi</b>	<b>Kekerapan (N=255)</b>	<b>Peratusan (%)</b>	<b>Min (M)</b>
Umur	15 tahun	36	14.1
	16 tahun	172	67.5
	17 tahun	47	18.4

Kecerdasan emosi dalam kajian ini pula diukur menggunakan alat ukur *The Assessing Emotions Scale (AES)* yang dibina oleh Schutte, Malouff, Hall, Haggerty, Cooper, Golden dan Dornheim (1998). Alat ukur AES ini juga telah menjalani proses penterjemahan seperti alat ukur PAQ. Terdapat sebanyak 33 item yang terkandung di dalam alat ukur ini dan terbahagi kepada empat subskala iaitu persepsi emosi (10 item), intrapersonal (9 item), interpersonal (8 item) dan kesedaran emosi (6 item). Bagi mendapatkan skor kecerdasan emosi pula, semua subskala perlu digabungkan (*compute*). Terdapat tiga item negatif iaitu item 5, 28 dan 33. Skor pemarkatan yang digunakan pula adalah 5 skala Likert (1-sangat tidak setuju, 5-sangat setuju).

### **Analisis Data**

Pengumpulan data yang telah diperolehi akan dikodkan dan dianalisis menggunakan perisian IBM *Statistical Package for the Social Sciences (SPSS)* versi 23. Analisis statistik deskriptif digunakan untuk melihat kekerapan dan peratusan dalam pemerihalan profil sosiodemografi responden. Analisis statistik inferensi pula dalam kajian ini adalah menggunakan ujian regresi pelbagai bagi meneliti kesan penerimaan gaya keibubapaan (autoritarian, permisif dan autoritatif) terhadap perkembangan kecerdasan emosi remaja, dan ujian-t sampel bebas untuk meneliti perbezaan tempat tinggal (bandar dan luar bandar) dan jantina terhadap perkembangan kecerdasan emosi remaja.

### **DAPATAN KAJIAN**

Bahagian ini menerangkan berkaitan hasil analisis deskriptif dan inferensi. Hasil analisis diperincikan seperti di bawah:

Jantina	Lelaki	94	36.9
	Perempuan	161	63.1
Sekolah	Bandar	120	47.1
	Luar bandar	135	52.9
Agama	Islam	122	47.8
	Kristian	132	51.8
	Lain-lain	1	0.4
Etnik	Melayu	24	9.4
	Cina	9	3.5
	Bajau	26	10.2
	Dusun	80	31.4
	Kadazandusun	48	18.8
	Sino	6	2.4
	Rungus	11	4.3
	Melayu Brunei	17	6.7
	Bugis	16	6.3
	Lain-lain	18	7.1

Hasil analisis statistik deskriptif menunjukkan seramai 255 orang pelajar telah menjadi responden dalam kajian ini dan daripada jumlah tersebut, seramai 172 orang (67.5%)

adalah berusia 16 tahun, 47 orang (18.4%) berusia 17 tahun dan 36 orang (14.1%) berusia

15 tahun dengan min usia 16.04. Kemudian daripada jumlah responden, seramai 161 orang (63.1%) adalah pelajar perempuan dan selebihnya 94 orang (36.9%) adalah pelajar lelaki. Seterusnya, seramai 135 orang (52.9%) responden adalah bersekolah di luar bandar dan selebihnya 120 orang (47.1%) adalah bersekolah di bandar. Dari segi latar belakang agama pula, majoriti responden menganut agama Kristian iaitu seramai 132 orang (51.8%), diikuti agama Islam iaitu seramai 122 orang (47.8%) dan 1 orang (0.4%) menganut agama lain-lain. Dari segi etnik pula, seramai

80 orang (31.4%) merupakan etnik Dusun, diikuti Kadazandusun iaitu 48 orang (18.8%),

Bajau iaitu 26 orang (10.4%), Melayu iaitu 24 orang (9.4%), lain-lain iaitu 18 orang (7.1%), Melayu Brunei iaitu 17 orang (6.7%), Bugis iaitu 16 orang (6.3%), Cina iaitu 9 orang (3.5%) dan terakhir etnik Sino iaitu 6 orang (2.4%). Perincian keputusan ini ditunjukkan seperti dalam **Jadual 1**.

Berdasarkan analisis ujian regresi pelbagai dalam Jadual 2, hasil keputusan menunjukkan terdapat pengaruh yang signifikan antara penerimaan gaya keibubapaan autoritarian, permisif dan autoritatif ( $f = 28.03$ ,  $k < .05$ ) terhadap perkembangan kecerdasan emosi remaja dengan menyumbang sebanyak 25.1 peratus varians ( $R^2 = .251$ ). Meskipun begitu, daripada ketiga-tiga gaya keibubapaan tersebut, hanya gaya keibubapaan authoritarian dan autoritatif sahaja yang mempengaruhi secara signifikan. Hal ini menunjukkan bahawa gaya keibubapaan authoritarian dan autoritatif memberi kesan yang positif ke arah perkembangan kecerdasan emosi remaja. Perincian keputusan ini ditunjukkan seperti dalam **Jadual 2**

## Hasil analisis inferensi

**Jadual 2:** Kesan penerimaan gaya keibubapaan terhadap perkembangan kecerdasan emosi

Kecerdasan Emosi	B	t	$\beta$	Sig.
Autoritarian	.525	3.543	.203	.000*
Permisif	-.277	-1.822	-.101	.070

Autoritatif		1.004	7.109	.405	.000*
Constant	72.57				
R <sup>2</sup>	.251				
f	28.03				

**Jadual 3:** Perbezaan antara remaja bandar dan luar bandar terhadap perkembangan kecerdasan emosi

Kecerdasan Emosi	N	M	SP	df	t	Sig.
Bandar	120	121.03	12.83	253	2.85	.005*
Luar bandar	135	116.18	14.20			

**Jadual 4:** Perbezaan antara jantina terhadap perkembangan kecerdasan emosi

Kecerdasan Emosi	N	M	SP	df	t	Sig.
Lelaki	94	115.82	14.36	253	-.2.36	.019*
Perempuan	161	120.00	13.20			

\* $p < .05$

Berdasarkan analisis ujian-t sampel bebas menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara remaja bandar dan luar bandar terhadap perkembangan kecerdasan emosi. Laporan analisis menunjukkan bahawa

remaja bandar ( $min = 121.03$ ) mempunyai kecerdasan yang lebih tinggi berbanding remaja luar bandar ( $min = 116.18$ ). Keputusan ini menjelaskan bahawa remaja yang berada di bandar mempunyai perkembangan kecerdasan emosi yang lebih baik berbanding remaja luar bandar. Perincian keputusan ini ditunjukkan seperti dalam **Jadual 3**.

Berdasarkan analisis ujian-t sampel bebas menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara remaja lelaki dan perempuan terhadap perkembangan kecerdasan emosi. Laporan analisis menunjukkan bahawa remaja perempuan ( $min = 120.00$ ) mempunyai kecerdasan yang lebih tinggi berbanding remaja lelaki ( $min = 115.82$ ). Keputusan ini menjelaskan bahawa remaja perempuan mempunyai perkembangan kecerdasan emosi yang lebih baik berbanding remaja lelaki. Perincian keputusan ini ditunjukkan seperti dalam **Jadual 4**.

## PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

Chong *et al.*, (2013) menjelaskan bahawa keluarga merupakan faktor utama dalam menentukan perkembangan kecerdasan

emosi. Sama ada kesannya positif atau negatif, ia ditentukan melalui kaedah didikan yang diamalkan oleh sesebuah keluarga itu. Berdasarkan hasil dapatan kajian ini, semamangnya gaya keibubapaan menyumbang kepada perkembangan kecerdasan emosi dalam kalangan remaja. Hasil ini selari dengan dapatan kajian lepas yang mendapati gaya keibubapaan autoritatif dan autoritarian merupakan gaya keibubapaan yang diamalkan di Malaysia (Hamidah, 2013; Nik Hairi, Azmi, & Ahmad Shazili, 2012; Keshavars & Baharudin, 2009) dan dua gaya keibubapaan ini juga menyumbang kepada perkembangan kecerdasan emosi remaja (Salimynezad *et al.*, 2015; Hamidah, 2013).

Melalui dapatan ini juga, secara tidak langsung menunjukkan bahawa gaya keibubapaan yang sesuai untuk diamalkan di Malaysia adalah gaya keibubapaan autoritatif dan authoritarian, kerana ia mampu membentuk perkembangan kecerdasan emosi dalam diri remaja. Berdasarkan kajian lepas, khususnya kajian yang dilakukan oleh pengkaji tempatan (Nik Hairi *et al.*, 2012; Othman & Normalina, 2010; Keshavars & Baharudin, 2009; Hamidah, 2013) mengenai gaya keibubapaan di Malaysia dan pengkaji gaya keibubapaan di negara-negara Asia (Lin & Fu, 1990; Steinberg, Dornbusch, & Brown, 1992; Gardiner & Kosmitzki, 2002; Ang & Goh, 2006; Chan & Koo, 2010; Leung, Lau, & Lam, 1998) membuktikan secara empirikal bahawa gaya keibubapaan autoritatif dan

autoritarian adalah diterimapakai, meskipun dapatan ini bertentangan dengan teori yang diutarakan oleh Baumrind khususnya bagi gaya keibubapaan authoritarian.

Terdapat justifikasi yang tersendiri mengapa dua gaya keibubapaan ini yang diaplikasikan di Malaysia. Penerimaan gaya keibubapaan autoritatif di Malaysia adalah suatu yang wajar dan telah banyak diulas baik dari segi pelopor teori gaya keibubapaan itu sendiri mahupun himpunan kajian-kajian lepas. Namun menariknya, gaya keibubapaan authoritarian juga merupakan satu gaya keibubapaan yang diterimapakai dan diaplikasikan dalam konteks budaya keibubapaan di Malaysia. Hal ini kerana, secara ringkasnya authoritarian diterangkan sebagai satu gaya keibubapaan yang mengamalkan kasih sayang (kemesraan) dan kawalan yang seimbang. Spesifiknya, ibu bapa authoritarian ini dijelaskan sebagai mengamalkan ciri-ciri tegas tetapi prihatin, kerap berkomunikasi dengan anak dan mengamalkan corak komunikasi dua hala, sentiasa memperuntukan masanya untuk anak, tidak kurang juga dari segi memberi sokongan, dorongan dan bantuan serta tidak mengabaikan anak (Nik Hairi *et al.*, 2012). Manakala, gaya keibubapaan authoritarian pula dijelaskan secara ringkas mengamalkan kasih sayang (kemesraan) yang rendah dan kawalan yang tinggi. Autoritarian telah memperoleh konotasi negatif dalam literatur konteks budaya keibubapaan di Barat. Hal ini kerana kebanyakan kanak-kanak dan remaja yang bersikap negatif kerap kali dikaitkan dengan hasil didikan gaya keibubapaan authoritarian (Ang & Goh, 2006).

Namun begitu, dari sudut pandangan budaya di negara Asia ia adalah sebaliknya. Hal ini kerana gaya keibubapaan di kalangan ibu bapa di Asia digambarkan sebagai authoritarian, kurang mesra, mengawal dan meletak batas kepada anak-anak (Lin & Fu, 1990; Steinberg, Dornbusch, & Brown, 1992). Meskipun begitu, ini tidak bermaksud gaya keibubapaan authoritarian adalah sesuatu yang negatif, kerana skor yang tinggi dalam authoritarianisme membawa maksud dan implikasi yang berbeza kepada masyarakat Caucasian melalui perbezaan sistem budaya (Gardiner & Kosmitzki, 2002; Ang & Goh, 2006). Misalnya bagi masyarakat Caucasian,

sikap tegas (*strictness*) yang ditunjukkan oleh ibu bapa dicirikan sebagai suatu yang negatif seperti bersikap agresif, kurang mesra atau antagonis dan cuba untuk mendominasi. Berbeza bagi masyarakat Asia yang memandang sikap tegas dan beberapa aspek kawalan yang ditunjukkan oleh ibu bapa di Asia dicirikan sebagai suatu yang positif seperti bersikap prihatin, penyayang dan ingin terlibat secara langsung yang berkaitan dengan anak tersebut (Gardiner & Kosmitzki, 2002; Ang & Goh, 2006; Chan & Koo, 2010; Leung, Lau, & Lam, 1998; Salimynezhad *et al.*, 2015). Maka dapat disimpulkan, bahawa anak-anak di negara Asia memandang ibu bapa authoritarian ini adalah suatu yang positif meskipun ibu bapa mereka bersikap tegas, kerana ia dilihat sebagai tanda kasih sayang dan perhatian yang diberikan daripada ibu bapa.

Justeru, baik authoritarian mahupun authoritarian, kedua-duanya dilihat sebagai suatu yang positif dan menekankan aspek kasih sayang (kemesraan) antara ibu bapa dan anak di Malaysia. Aspek kasih sayang dilihat penting kerena berdasarkan beberapa dapatan kajian lepas (seperti Jaz Laile Suzana, 2002; Christina *et al.*, 2014; Asghari & Besharat, 2011), menjelaskan bahawa remaja memerlukan sokongan dalaman seperti galakan, penghargaan, kepercayaan dan kasih sayang daripada ibu bapa. Selain itu, Chong *et al.*, (2013) menerangkan pendekatan didikan yang mesra dan harmoni mampu menerapkan kesan positif terhadap kelakuan anak kelak. Sementara, Hamidah (2013) menerangkan kepelbagaiannya gaya keibubapaan tidak semestinya memberi kesan yang negatif mahupun positif terhadap anak khususnya apabila gaya keibubapaan itu dilihat dalam konteks masyarakat yang multi-budaya. Maka, tidak hairanlah sekiranya dua gaya keibubapaan ini adalah gaya keibubapaan yang diaplikasikan oleh ibu bapa di negara-negara Asia dan begitu juga di Malaysia, sekali gus membentuk kecerdasan emosi yang tinggi dalam kalangan remaja.

Seterusnya adalah mengenai perbezaan antara perkembangan kecerdasan emosi mengikut tempat tinggal. Hasil dapatan menunjukkan bahawa wujudnya perbezaan antara remaja bandar dan luar bandar terhadap perkembangan kecerdasan emosi, yang mana

hasil kajian menunjukkan remaja bandar mempunyai kecerdasan emosi yang lebih tinggi berbanding remaja luar bandar. Dapatan ini bercanggah dengan hasil dapatan kajian yang dilakukan oleh Hamidah (2013), yang mendapat tidak terdapat perbezaan kecerdasan emosi antara remaja bandar dan luar bandar. Wujudnya perbezaan remaja bandar dan luar bandar pada pendapat pengkaji adalah disebabkan kemodenan dan pembangunan di bandar yang pesat membuatkan keadaan atau suasana kehidupan di bandar memberi tekanan yang lebih, dan ini membuatkan remaja di bandar perlu lebih peka dan mudah beradaptasi dengan keadaan yang sekeliling. Selain itu, mereka juga perlu bersikap lebih efisien dan berdaya saing kerana penekanan yang lebih dari pelbagai aspek di berikan di sekolah-sekolah bandar berbanding di luar bandar. Tambahan juga, hasil dapatan ini dapat dikaitkan dengan kajian lepas yang menjelaskan bahawa pelajar sekolah luar bandar mengalami masalah disiplin yang lebih tinggi berbanding pelajar sekolah bandar (Ohio Department of Education, 2007; Mendez & Knoff, 2003). Hal ini kerana remaja yang mempunyai kecerdasan emosi yang rendah cenderung untuk terlibat dalam masalah disiplin dan sebaliknya pula apabila mereka mempunyai kecerdasan emosi yang tinggi (Lailawati, 2006; Brackett, Mayer, & Warner, 2004; Badrulzaman, 2006).

Selain itu, kekurangan kemudahan yang disediakan oleh pihak sekolah di kawasan luar bandar antara faktor yang menyumbang kepada guru lama dan berpengalaman berpindah atau menolak untuk berkhidmat di sekolah kawasan luar bandar (Arnold *et al.*, 2005) yang akhirnya memberi kesan kepada perbezaan perkembangan kecerdasan emosi remaja. Penyataan ini turut disokong oleh Hamidah (2013) yang menyatakan bahawa kemudahan infrastruktur di sesebuah sekolah (seperti bangunan yang moden) dapat menjadikan persekitaran sekolah sebagai satu tempat terapeutik kepada pelajar dan ini melancarkan lagi proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Tambahnya lagi, persekitaran sekolah memainkan peranan yang penting dalam membantu pelajar mengembangkan potensi mereka ke tahap maksimum, baik dari segi kognitif maupun emosi. Dapatan ini diperkuuhkan lagi

apabila Adams (1992) mendapati guru di sekolah bandar memperuntukkan masa yang lebih untuk menguruskan semua hal berkaitan sekolah (seperti mengajar, disiplin sekolah, sukan) dan ini secara tidak langsung menyumbang kepada perkembangan kecerdasan emosi dalam kalangan remaja di sekolah bandar. Di samping itu, tahap kemiskinan yang tinggi dalam kalangan ibu bapa di kawasan luar bandar juga menjadi faktor menyebabkan ibu bapa mengabaikan anak-anak (Mendez & Knoff, 2003), dan penyataan ini selari dengan hasil dapatan dalam kajian ini, yang mana gaya keibubapaan permisif (pengabaian) tidak menyumbang kepada perkembangan kecerdasan emosi remaja.

Terakhir, hasil analisis menunjukkan keputusan terdapat perbezaan yang signifikan antara jantina terhadap perkembangan kecerdasan emosi dan hasil ini adalah kongruen dengan beberapa dapatan kajian lepas (Tapia & Marsh, 2001; Liew, *et al.*, 1999; Zamri & Chong 2008; Brackett *et al.*, 2007; Su Mee Nguk, 2000; Kim, 2001; Feizah, 2004; Brackett *et al.*, 2004). Hasil dapatan ini dapat dijelaskan sama ada dari sudut praktikal maupun biologikal.

Secara praktikal, dapatan ini mempunyai hubungannya dengan interaksi awal yang ditunjukkan oleh ibu bapa melalui hubungan ibu bapa-anak (antara anak lelaki dan perempuan) sewaktu di peringkat kanak-kanak (Salimynezhad *et al.*, 2015; Brody, 1985; Aznar & Tenenbaum, 2015). Menurut Brody (1985), ibu bukan sahaja cenderung untuk membincangkan mengenai perasaan, bahkan menunjukkan pelbagai jenis emosi kepada anak perempuan berbanding anak lelaki. Hasil dapatan yang hampir sama diperolehi dalam satu kajian yang dilakukan oleh Aznar dan Tenenbaum (2015), yang mendapati ibu lebih cenderung untuk menggunakan kata-kata emosi apabila bercakap dengan anak perempuan yang berusia 4 tahun berbanding anak lelaki yang berusia 4 tahun. Dalam kajian tersebut juga, ibu dan bapa didapati menggunakan lebih banyak kata-kata emosi kepada anak perempuan berbanding anak lelaki. Sementara, ibu didapati lebih menggunakan kata-kata emosi jika dibandingkan dengan bapa apabila bercakap dengan anak

perempuan. Apa yang jelas, ibu bapa sering tidak menyedari stereotaip jantina yang mereka amalkan dalam kalangan anak mereka, dan ini memberi kesan secara tidak langsung kepada perkembangan kecerdasan emosi anak dalam jangka panjang. Ini dibuktikan apabila Tenenbaum (dlm Dell, 2014) menyatakan bahawa pembelajaran kecerdasan emosi sangat penting bagi kanak-kanak kerana ia akan membentuk kecerdasan emosi yang tinggi dan membantu kanak-kanak dari segi kejayaan di sekolah, keserasian dengan guru dan mempunyai hubungan rakan sebaya yang baik.

Secara biologikal pula, Gur dan rakan-rakan dalam kajianya mendapati ruang akal yang dimiliki oleh perempuan dalam memproses emosi adalah lebih besar berbanding lelaki (Gur et al., 2002). Bar-On (2000) pula menjelaskan bahawa perempuan didapati lebih peka terhadap emosi terutama dari sudut empati, kebolehan berkomunikasi dan lebih bertanggungjawab sosial. Selain itu, perempuan juga dikatakan mempunyai kelebihan berbanding lelaki dari segi kebolehan membaca maklumat sosial yang tidak dinyatakan (sensitif), ini termasuklah perasaan dari ekspresi muka dan tanda-tanda bahasa bukan lisan yang ditunjukkan (Brackett et al., 2004; Tapia & & Marsh, 2001; Harrod & Scheer, 2005; Brackett et al., 2007; Syed Najmuddin, 2007). Bukan itu sahaja, bahkan perempuan juga sangat prihatin terhadap hubungan interpersonal serta intrapersonal (Nolen-Hoeksema & Girgus, 1994) yang mana kedua ini juga merupakan komponen di bawah kecerdasan emosi (Bar-On, 2000; Mayer & Salovey, 1997; Goleman, 1995). Sementara, Liew et al. (1999) pula menjelaskan bahawa perempuan dikurniakan sifat-sifat tertentu seperti sifat keibuan dan lebih beremosi berbanding lelaki. Berdasarkan kesemua dapatan kajian ini, tidak hairanlah sekiranya kaum perempuan memiliki kecerdasan emosi yang lebih tinggi berbanding lelaki.

Kesimpulannya, golongan remaja merupakan golongan yang masih dalam peringkat berkembang. Maka, pemupukan yang positif dari persekitaran khususnya daripada ibu bapa adalah amat penting terutama sekali seawal peringkat perkembangan. Justeru, pendekatan gaya keibubapaan yang hendak diaplikasikan

perlulah bersesuaian dengan keadaan dan budaya sekeliling. Ibu bapa yang terlalu memberi kebebasan dan kurang memberi perhatian kepada anak akan memberi peluang kepada mereka untuk mudah terdedah kepada perkara-perkara negatif sekali gus menyumbang kepada pembentukan kecerdasan emosi yang rendah.

## RUJUKAN

- Adams, A. T. (1992). *Public High Schools: The Uses of Rehabilitative and Punitive Forms of Discipline*. A Final Report. Washington, DC: Office of Educational Research and Improvement.
- Ang, R. P. & Goh, D. H. (2006). Authoritarian parenting style in Asian societies: A cluster-analytic investigation. *Contemporary Family Therapy*, 28(1), 131-151.
- Arnold, M. L., Newman, J. H., Gaddy, B. B., & Dean, C. B. (2005). A look at the condition of rural educational research: Setting a direction for future research. *Journal of Research in Rural Education*, 20(6).
- Asghari, S. M. & Besharat, A. M. (2011). The relation of perceived parenting with emotional intelligence. *Journal of Social and Behavioral Sciences*, 30, 231-235.
- Astro Awani. (2015). Pelajar dakwa dibelasah senior sekolah agama di Pedang. Astro Awani, 20 April, dilaman sesawang: <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/pelajar-dakwa-dibelasah-senior-sekolah-agama-di-pendang-58219>
- Aznar, A. & Tenenbaum, H. R. (2015). Gender and age differences in parent-child emotion talk. *British Journal of Development Psychology*, 33, 148-155.
- Badrulzaman Baharom. (2006). *Persekuturan keluarga dan kesannya terhadap tingkah laku remaja di Daerah Pontian, Johor*. Tesis Sarjana, Universiti Teknologi Malaysia.
- Bar-On, R. B. (2000). *The Bar-On EQ-i:YV: Technical manual*. Toronto, Canada: Multi-Health Systems.

- Baumrind, D. (1966). Effects of authoritative parental control on child behavior. *Child Development*, 37, 887-907.
- Baumrind, D. (1967). Child care practices anteceding three patterns of pre-school behavior. *Genetic Psychology Monographs*, 75, 43-88.
- Baumrind, D. (1971). Current patterns of parental authority. *Developmental Psychology Monograph*, 4, 1-103.
- Bernama. (2014). Belasah junior: Lapan pelajar MRSM Balik Pulau ditahan. Astro awani, 28 Oktober, di laman sesawang: <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/belasah-junior-lapan-pelajar-mrsm-balik-pulau-ditahan-47117>
- Bowlby, J. (1982). *Attachment and loss: Vol 1 Attachment* (2nd ed.). New York, NY: Basic Books.
- Brackett, M. A., Kremenitzer, J. P., Maurer, M., Carpenter, M. D., Rivers, S. E., & Katulak, N. A. (2007). *Emotional literacy in the classroom: Upper elementary*. Port Chester, NY: Dude Publishing/ National Professional Resources.
- Brackett, M. A., Mayer, J. D., & Warner, R. M. (2004). Emotional intelligence and its relation to everyday behaviour. *Personality and Individual Differences*, 36(6), 1387-1402.
- Brody, L. R. (1985). Gender differences in emotional development: A review of theories and research. *Journal of Personality*, 53, 102-149.
- Buri, J. R. (1991). Parental Authority Questionnaire. *Journal of Personality and Social Assessment*, 57, 110-119.
- Chan, T. W., & Koo, A. (2010). Parenting styles and youth outcomes in UK. *European Sociological Review*, 1-15.
- Chong, S. O., Zamri Mahamod, & Hamidah Yamat. (2013). Faktor jantina, kaum, aliran kelas dan hubungannya dengan kecerdasan emosi murid dalam mempelajari Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 3(1), 12-23.
- Christina Andin, Abdul Said Ambotang, & Musirin Mosin. (2014). *Penerimaan remaja melayu terhadap gaya keibubapaan*. Seminar Kebangsaan Integreti Keluarga 2014.
- Dady Sugiarto. (2012). *Hubungan kecerdasan emosi dengan daya tahan stres mahasiswa Uni Sunan Kalijaga Yogyakarta*. Tesis Sarjana, Universitas Islam Negeri Sunan Kalijaga Yogyakarta.
- Darling, N. & Steinberg, L. (1993). Parenting style as context: An integrative model. *Psychological Bulletin*, 113, 187-496.
- Dell, K. (2014). *Mothers talk differently to daughters than sons: Study*. Parents Newsletter di laman sesawang: <http://time.com/3581587/mothers-emotion-words-girls-boys-surrey-studymothers-encourage-emotions-more-in-daughters-over-sons-study-says/>
- Feizah Mohd Zain. (2004). *Kecerdasan emosi di kalangan murid tingkatan empat : satu kajian tinjauan*. Kertas Projek Sarjana Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Gardiner, H. W. & Kosmitzki, C. (2002). *Lives across cultures: Cross-cultural human development* (2nd edition). Pearson Education Company: Boston.
- Goleman, D. (1995). *Emotional Intelligence*. New York: Bantam.
- Gottman, J. M. (1997). *Promoting emotional competence in school aged children*. Develeopment of Psychology. Boulder, CO: Westview Press.
- Gur, R., Gunning-Dixon, F., Bilker, W. B., & Gur, R. E. (2002). Sex differences in temporo-limbic and frontal brain volumes of healthy adults. *Cerebral Cortex*, 12, 998-100.
- Hamidah Sulaiman. (2013). *Hubungan antara kecerdasan emosi dengan gaya asuhan ibu bapa dalam kalangan remaja sekolah*. Tesis Doktor Falsafah, Universiti Malaya.
- Harrod, N. R., & Scheer, S. D. (2005). An exploration of adolescent emotional intelligence in relation to demografi characteristics. *Adolescence*, 40(159), 503-512.
- Jas Laile Suzana Jaafar. (2002). *Psikologi Kanak-Kanak dan Remaja Kuala Lumpur*. Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Keshavars, S. & Baharudin, R. (2009). Parenting style in a collectivist culture of Malaysia. *European Journal of Social Sciences*, 10, 66-73
- Kim, F. T. (2001). Pengaruh kecerdasan emosi dan amalan keibubapaan terhadap EQ remaja. Tesis Sarjana Sains, Universiti Putra Malaysia, Serdang.
- Kuczynski, L., & Kochanska, G. (1995). Function and content of maternal demand: Development significance on early demands for competent action. *Child Development*, 66, 616-628.
- Lailawati Madlan. (2006). *Pengaruh kecerdasan emosi ke atas stres dan masalah disiplin pelajar*. Tesis Sarjana, Universiti Malaysia Sabah.
- Leung, K., Lau, S., & Lam, W. (1998). Parenting styles and academic achievement: A cross-cultural study. *Merrill-Palmer Quarterly*, 44, 157-167.
- Liew, P. G. S., Gan, T. H., & Sia, P. W. (1999). Tahap kecerdasan emosi murid-murid tahun 5 di kawasan Miri. Artikel di laman sesawang: <http://www2.moe.gov.my/~mpsmiri/1eqnew.html>.
- Lin, C. C., & Fu, V. R. (1990). A comparison of child-rearing practices among Chinese, immigrant Chinese, and Caucasian-American parents. *Child Development*, 61, 429-433.
- Lin, E. T., & Lian, C. T. 2010. The relationship between perceived parenting styles and stress levels among Malaysian secondary school students. *Sunway Academic Journal*, 7, 89-104.
- Mayer, J. & Salovey, P. (1997). What is emotional intelligence? Dlm P.Salovey & D. J. Sluyter (Eds.), *Emotional development and emotional intelligence: Educational implications* (p. 3-34). New York: Basic Books.
- Mehtap, C., & Sadegul, A. A. (2005). Adaptation of an emotional intelligence scale for Turkish Educators. *International Education Jurnal*, 6(3), 367-372.
- Melati Sumari & Mariani Md. Nor. (1998). Tekanan di kalangan remaja: Punca dan akibat. *Masalah Pendidikan*, 21, 77-89.
- Mendez, L. M. R. & Knoff, H. M. (2003). Who gets suspended from school and why: A demographic analysis of schools and disciplinary infractions in a large school district. *Education and Treatment of Children*, 26(1), 30-51.
- Mohd Yahya Mohamed. (2002). Psikologi: Peluang kerja terbuka luas. Utusan Online, 9 Mac, di laman sesawang: [http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2002&dt=0309&sec=Pendidikan&pg=pe\\_05.htm](http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2002&dt=0309&sec=Pendidikan&pg=pe_05.htm)
- MStar. (2015). Najib Bersimpati dengan keluarga pelajar spm bunuh diri. 27 Nov, di laman sesawang : <http://www.mstar.com.my/berita/berita-semasa/2015/11/27/najib-bersimpati-dengan-keluarga-pelajar-spm-bunuh-diri/>
- Muhammad Faizal A. Ghani, Norfariza Mohd Radzi, Simin Ghavifekr, Husaina Banu Kenayatullah & Mokhtar Muhammad. (2014). Pengurusan disiplin murid di sekolah kawasan bandar dan luar bandar: Perspektif pemimpin sekolah. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 1(1), 7-40.
- Nastasa, E. L., & Sala, K. (2012). Adolescents' emotional intelligence and parental styles. *Journal of Social and Behavioral Science*, 33, 478-482.
- Nik Hairi Omar, Azmi Abdul Manaf & Ahmad Shazili Ayob. (2012). Pengujian model gaya keibubapaan Baumrind ke atas pencapaian akademik pelajar sekolah menengah. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 7(1), 105-120.
- Nolen-Hoeksema, S. & Girgus, J. S. (1994). The emergence of gender differences in depression during adolescence. *Psychological Bulletin*, 115, 424-443.
- Ohio Department of Education. (2007). *Typology of Ohio School Districts*. Di laman sesawang: [www.ode.state.oh.us/GD/Templates/Pages/ODE/ODEDetail.aspx?page=3&TopicRelationID=390&ContentID=12833&Content=56119](http://www.ode.state.oh.us/GD/Templates/Pages/ODE/ODEDetail.aspx?page=3&TopicRelationID=390&ContentID=12833&Content=56119)
- Othman Md. Johan & Normalina Md. Nazeri. (2010). *Profil gaya didikan ibu bapa pelajar cemerlang berbanding*

- pelajar lemah.* Johor Bharu, Universiti Teknologi Malaysia.
- Roshiza Abd. Wahab. (2002). *Kecerdasan emosi kanak-kanak bermasalah pembelajaran mengikut persepsi guru.* Kertas projek sarjana pendidikan. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia Bangi.
- Salimynezhad, S., Poor, Y. N., Valizade, A. (2015). The studies of relationship between parental styles with Emotional Intelligence in elementary schools students of MAKOO. *Social and Behavioral Sciences* 205, 221-227.
- Salovey, P. & Mayer, J. (1990). Emotional Intelligence. *Imagination, Cognition and Personality*, 9, 158-211.
- Schutte, N. S., Malouff, J. M., Hall, L. E. Haggerty, D. J., Cooper, J. T. Golden, C. J., & Dornheim, L. (1998). Development and validation of measure of emotional intelligence. *Personality and Individual Differences*, 25(2), 167-177.
- Steinberg, L., Dornbusch, S., & Brown, B. B. (1992). Ethnic differences in adolescent achievement: An ecological perspective. *American Psychologist*, 47, 723-729.
- Su Mee Nguk. (2000). *Hubungan antara emotional intelligence/Quotient (EQ) dengan pencapaian akademik, jantina dan aliran pengajian murid tingkatan 4.* Tesis sarjana Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Syed Najmuddin Syed Hassan. (2007). *Hubungan antara faktor kecerdasan emosi, nilai kerja dan prestasi kerja dalam guru Maktab Rendah Sains Mara.* Tesis Doktor Falsafah. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Tapia, M. & Marsh, G. E. (2001). *Emotional intelligence: The effect of gender, GPA, and ethnicity.* Paper presented at the Annual Meeting of the Mid-South Education Research Association.
- Utusan Malaysia. (2015). *Pelajar perempuan dakwa dibuli.* Utusan Online, 14 Februari, di laman sesawang: <http://www.utusan.com.my/berita/jenayah/pelajar-perempuan-dakwa-dibuli-1.59323>
- Utusan Malaysia. (2017). *10 pelajar perempuan disiasat belah rakan.* Utusan Online, 31 Julai, di laman sesawang: <http://www.utusan.com.my/berita/jenayah/10-pelajar-perempuan-disiasat-belasah-rakan-1.509598>
- Zamri Mahamod & Chong, S. O. (2008). Perbandingan gaya pembelajaran Bahasa Melayu antara pelajar Bumiputera dan non-Bumiputera. *Jurnal akademik*, 12, 1-22.
- Zimmer-Gembeck, J. M., & Skinner, A. E. (2008). Adolescents coping with stress: Development and diversity. *The Prevention Researcher*, 15(4), 3-7.